



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

SUMBANGAN WAQAF

TABUNG KOMPLEKS ARSHAD AYUB,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)

Simbolik Penyerahan Mock Cheque

Ts. Noor Hidayat Adnan, Ketua
Pustakawan menyerahkan Mock
Cheque Sumbangan Waqaf
berjumlah RM25,000.00 dari
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
kepada Naib Canselor, YBhg. Prof.
Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd
Azraai Kassim



Majlis Penyerahan Sumbangan Waqaf

oleh : Bahagian Komunikasi Korporat,
PTAR

Kompleks Arshad Ayub merupakan projek Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menghormati Ybhg. Tan Sri Dato' Seri Utama (Dr) Arshad Ayub, Pengarah pertama Institut Teknologi MARA (ITM), dari tahun 1967 hingga 1975.

Kompleks Arshad Ayub akan dibina diatas tapak seluas 3 hektar di Seksyen 3, Shah Alam. Pembinaan dijangka akan dijalankan bermula tahun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2023.

Kompleks Arshad Ayub merangkumi dewan, bilik kuliah, perpustakaan, ruang rekreasi, dewan pelbagai guna dan lot perniagaan untuk disewa.

Bagi menyokong sepenuhnya pembinaan Kompleks Arshad Ayub, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menyumbangkan waqaf wang tunai sebanyak RM25,000.00 kepada Tabung Kompleks Arshad Ayub UiTM.

Simbolik penyerahan sumbangan wakaf telah dilaksanakan pada 21 Mei 2020 oleh Ketua Pustakawan, Ts. Noor Hidayat Adnan kepada YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor sambil disaksikan oleh barisan Ketua-Ketua Jabatan dari PTAR.

Pemberian sumbangan ini adalah bagi membantu pihak UiTM untuk melengkapkan kemudahan perpustakaan baharu di Kompleks Arshad Ayub. Semoga sumbangan Wakaf tunai ini sedikit sebanyak dapat mempercepatkan pembinaan Kompleks tersebut agar ianya dapat digunakan dan dimanfaatkan sebaiknya kelak oleh warga UiTM. .

Press Release

CADANGAN TAJUK :

1. RM 25,000.00 DISUMBANGKAN KEPADA TABUNG KOMPLEKS ARSHAD AYUB, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
2. PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK MENYAMPAIKAN SUMBANGAN WAKAF SEBANYAK RM25,000.00 KEPADA TABUNG KOMPLEKS ARSHAD AYUB, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Shah Alam, 25 Mei 2020 | Kompleks Arshad Ayub merupakan projek Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk menghormati Ybhg. Tan Sri Dato' Seri Utama (Dr) Arshad Ayub, Pengarah pertama Institut Teknologi MARA (ITM), dari tahun 1967 hingga 1975. Kompleks Arshad Ayub akan dibina diatas tapak seluas 3 hektar di Seksyen 3, Shah Alam. Pembinaan dijangka akan dijalankan bermula Jun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2023. Kompleks Arshad Ayub merangkumi dewan, bilik kuliah, perpustakaan, ruang rekreasi, dewan pelbagai guna dan lot perniagaan untuk disewa.

Bagi menyokong sepenuhnya pembinaan Kompleks Arshad Ayub, Perpustakaan Tun Abdul Razak telah menyumbangkan waqaf wang tunai **sebanyak RM25,000.00** kepada Tabung Kompleks Arshad Ayub UiTM. Simbolik penyerahan sumbangan wakaf telah dilaksanakan pada 21 Mei 2020 oleh Ketua Pustakawan, Ts. Noor Hidayat Adnan kepada YBhg. Prof. Emeritus Datuk Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim, Naib Canselor sambil disaksikan oleh barisan Ketua-Ketua Jabatan dari PTAR. Menurut Ts Noor Hidayat, pemberian sumbangan ini adalah bagi membantu pihak UiTM untuk melengkapkan kemudahan perpustakaan baharu di Kompleks Arshad Ayub bagi digunakan oleh warga UiTM apabila siap kelak. Beliau menambah, sumbangan Wakaf tunai ini merupakan satu tanggungjawab sosial korporat PTAR dalam usaha untuk melengkapkan infrastruktur yang berkonsepkan wakaf agar ianya dapat digunakan dan dimanfaatkan sebaiknya oleh warga UiTM kelak.





PERPUSTAKAAN
Tun Abdul Razak

TARIKH: 19 05 2020

BAYAR : SUMBANGAN WAKAF TABUNG KOMPLEKS ARSHAD AYUB,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

RINGGIT
MALAYSIA : DUA PULUH LIMA RIBU RINGGIT SAHAJA

RM 25,000.00

016 2356 7700 211-638921-19

UiTM

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK